

No. 23937.

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH) 2026

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

- 1. Nama
- 2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENUBUHAN DAN OBJEKTIF HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH  
SEBAGAI HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI

- 3. Penubuhan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
- 4. Tujuan dan Objektif Hospital Sultan Abdul Aziz Shah

BAHAGIAN III

LEMBAGA PENGELOLA HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

- 5. Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
- 6. Fungsi dan Tanggungjawab
- 7. Mesyuarat dan Kuorum

BAHAGIAN IV

JAWATANKUASA PENGURUSAN HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

- 8. Jawatankuasa Pengurusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
- 9. Kuasa dan Tanggungjawab
- 10. Mesyuarat dan Kuorum

BAHAGIAN V

LEMBAGA ATAU JAWATANKUASA LAIN

11. Lembaga atau Jawatankuasa lain

BAHAGIAN VI

PEGAWAI DAN PEKERJA HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

12. Pengarah Urusan dan Timbalan Pengarah Urusan
13. Bidang Kuasa dan Tanggungjawab
14. Ketua Jabatan dan Pekerja Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
15. Pelantikan Tertakluk kepada Akta dan Apa-Apa Perundangan Subsidiari dibawahnya

BAHAGIAN VII

PERKHIDMATAN UTAMA HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH DAN  
PEMBAHAGIAN JABATAN, BAHAGIAN, UNIT, DSB, DALAM  
HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

16. Perkhidmatan Utama dan Perkhidmatan lain Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
17. Pembahagian Hospital Sultan Abdul Aziz Shah kepada Jabatan, Bahagian, Laboratori, Unit, Dsb.

BAHAGIAN VIII

TATACARA, PROSEDUR DAN ARAHAN KERJA

18. Tatacara, Prosedur, Arahan Kerja, Dsb.
19. Tatacara Membuat Prosedur, Arahan Pentadbiran atau Arahan Kerja, Notis Amalan Pengarah Urusan atau Notifikasi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN KEWANGAN

20. Anggaran Kewangan Hospital dan Anggaran Tambahan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
21. Tahun Kewangan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah

22. Kuasa Naib Canselor dan Pengarah Urusan untuk mendapatkan dana, menerima hadiah, dsb
23. Bentuk Kontrak
24. Fi Perkhidmatan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
25. Audit

BAHAGIAN X

PERUNTUKAN AM, KECUALIAN DAN PERALIHAN

26. Tafsiran
27. Kesahan Tindakan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah sebelum Kuat Kuasa Statut
28. Kuasa yang diwakilkan
29. Kecualian

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
(HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH) 2026

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Seksyen 35 Perlembagaan Universiti, Canselor membuat statut yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

**Nama**

1. Statut ini bolehlah dinamakan sebagai Statut Universiti Putra Malaysia (Hospital Sultan Abdul Aziz Shah) 2026.

**Tafsiran**

2. Dalam Statut ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Bursar” termasuklah Timbalan Bursar Kanan, Timbalan Bursar, Ketua Penolong Bursar, Penolong Bursar Kanan dan Penolong Bursar atau apa-apa nama lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa yang bertugas di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;

“Lembaga Pengarah UPM” ertinya Lembaga Pengarah Universiti;

“Pengarah Urusan” ertinya Pengarah Urusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah yang dilantik di bawah seksyen 13 Statut ini;

“Pendaftar” termasuklah Timbalan Pendaftar Kanan, Timbalan Pendaftar, Ketua Penolong Pendaftar, Penolong Pendaftar Kanan dan Penolong Pendaftar atau apa-apa nama lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa yang bertugas di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Putra Malaysia;

“Universiti” ertinya Universiti Putra Malaysia.

## BAHAGIAN II

PENUBUHAN DAN OBJEKTIF HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH  
SEBAGAI HOSPITAL PENGAJAR UNIVERSITI**Penubuhan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah**

3. (1) Universiti hendaklah menubuh, menyelia dan mengelola suatu hospital pengajar universiti dalam Universiti bagi memenuhi keperluan pendidikan tinggi perubatan Negara.

(2) Hospital Pengajar Universiti yang ditubuhkan di bawah subseksyen 3(1) Statut ini hendaklah dikenali sebagai Hospital Sultan Abdul Aziz Shah.

(3) Hospital Sultan Abdul Aziz Shah yang ditubuhkan itu hendaklah mempunyai kedudukan setara dengan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut dalam Universiti mengikut peruntukan Seksyen 24 Perlembagaan, dan hendaklah menjadi suatu Pihak Berkuasa Universiti bagi maksud Seksyen 16 Perlembagaan.

(4) Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah di bawah nama yang ditetapkan dalam subseksyen 3(2) Statut ini, mempunyai kuasa penuh—

- (a) untuk membawa guaman dan dibawa guaman dalam semua mahkamah;
- (b) untuk memberikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan mengikut tujuan dan objektif dalam seksyen 4 Statut ini;
- (c) bagi maksud Statut ini, dan tertakluk kepada Perlembagaan, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, untuk membeli apa-apa harta alih atau tak alih dan mengambil, menerima dan memegang apa-apa harta tersebut yang terletak hak padanya, oleh pembelian itu, atau menurut apa-apa pertukaran, pemberian, derma, pajakan, pemberian berwasiat atau selainnya;
- (d) tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah UPM, untuk menjual, menggadaijanjikan, memajakkan, menukar atau selainnya melupuskan mana-mana harta itu; dan
- (e) untuk menjalankan dan melaksanakan mengikut peruntukan Statut ini dan Perlembagaan, statut lain, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan semua kuasa dan kewajipan yang diberikan atau ditanggungkan ke atas Hospital Sultan Abdul Aziz Shah oleh peruntukan itu.

(5) Hospital Sultan Abdul Aziz Shah yang ditubuhkan di bawah subseksyen ini hendaklah bagi tujuan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang diberikannya dianggap sebagai Hospital Kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

### **Tujuan dan Objektif Hospital Sultan Abdul Aziz Shah**

4. (1) Tujuan dan objektif Hospital Sultan Abdul Aziz Shah adalah seperti berikut:

- (a) berfungsi sebagai hospital pengajar bagi Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti, dan melengkapkan fungsi pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dalam bidang perubatan dan sains kesihatan bagi Fakulti itu atau Fakulti-Fakulti lain dalam UPM;
- (b) menyediakan dan memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada pegawai, guru, pekerja dan pelajar Universiti, serta orang awam;
- (c) menjadi pusat rujukan utama dalam bidang perubatan dan sains kesihatan tertentu yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UPM bagi faedah masyarakat dan Negara;
- (d) menerima mana-mana orang untuk menjalani latihan amali atau selainnya dalam bidang perubatan dan sains kesihatan atau apa-apa bidang lain yang berkaitan dengannya;
- (e) bekerjasama dengan hospital pengajar lain, hospital awam, hospital lain dan badan atau agensi lain dalam dan luar Malaysia dalam bidang perubatan dan sains kesihatan atau apa-apa bidang lain yang berkaitan dengannya;
- (f) menyediakan kemudahan dan keperluan berkaitan pendidikan, pengajaran dan penyelidikan perubatan dan sains kesihatan dengan mana-mana institusi lain dalam atau luar Malaysia sebagaimana yang dibenarkan oleh Lembaga Pengarah UPM; dan
- (g) melaksanakan apa-apa perkhidmatan perubatan dan kesihatan lain yang berkaitan sebagaimana yang diarahkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

(2) Bagi tujuan subseksyen 4(1) Statut ini, dan tertakluk kepada Perlembagaan dan undang-undang lain, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perbuatan dan perkara lain sebagaimana yang diperlukan untuk memajukan lagi perkhidmatan perubatan dan kesihatan, pengajaran, penyelidikan, pentadbiran, kewangan, kebajikan dan tatatertib di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah.

### **BAHAGIAN III**

#### **LEMBAGA PENGELOLA HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH**

### **Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah**

5. (1) Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, atau apa-apa nama lain yang disebut bagi Lembaga ini adalah ditubuhkan dan hendaklah terdiri daripada—

- (a) Naib Canselor Universiti yang hendaklah menjadi Pengerusi;

- (b) seorang Timbalan Naib Canselor yang ditanggungkan dengan tanggungjawab penyelidikan dan inovasi, atau yang ditanggungkan dengan tanggungjawab hal ehwal akademik dan antarabangsa yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
- (c) seorang ahli Lembaga Pengarah Universiti yang mewakili Kementerian Kewangan Malaysia atau mana-mana ahli Lembaga Pengarah Universiti lain yang berpengetahuan dalam bidang kewangan atau sains kesihatan dan perubatan, yang difikirkan sesuai oleh Lembaga Pengarah Universiti;
- (d) Semua Timbalan Naib Canselor;
- (e) Pendaftar Universiti;
- (f) Bursar Universiti;
- (g) Penasihat Undang-Undang Universiti;
- (h) Pengarah Urusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;
- (i) Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan;
- (j) Pengarah Pusat Kesihatan Universiti; dan
- (k) Seorang wakil dari Kementerian Kesihatan Malaysia.

(2) Timbalan Pengarah Urusan atau Pendaftar Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah menjadi setiausaha Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah.

(3) Pengerusi Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah boleh mengundang mana-mana orang menyertai atau menghadiri dalam apa-apa perbincangan Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah.

### **Fungsi dan Tanggungjawab**

6. Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah mempunyai fungsi dan tanggungjawab berikut—

- (a) hendaklah membuat dasar untuk Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;
- (b) hendaklah melaksanakan apa-apa dasar yang diputuskan oleh Universiti berkaitan dengan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;
- (c) hendaklah menjadi badan yang mengelola dan mengawasi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada Hospital Sultan Abdul Aziz Shah kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan ini atau statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain Universiti;

- (d) hendaklah mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dan Universiti;
- (e) menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;
- (f) membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;
- (g) memupuk hubungan global dan keantarabangsaan berhubung dengan pelajaran tinggi, penyelidikan klinikal dan perkhidmatan kesihatan;
- (h) memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak Berkuasa, Jawatankuasa, Pegawai atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya;
- (i) meluluskan dasar berkaitan dengan pembelajaran, penyelidikan klinikal dan penjagaan pesakit di Hospital dan apa-apa juga pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk diguna pakai di Hospital Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;
- (j) meluluskan laporan tahunan berkenaan dengan kegiatan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dan mengemukakan laporan itu kepada Lembaga Pengarah Universiti;
- (k) bertanggungjawab meluluskan semua dasar kewangan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dan membuat kontrak atas nama Universiti atau menubuhkan apa-apa tabung amanah sebagaimana yang diperlukan bagi maksud Hospital Sultan Abdul Aziz Shah bagi pihak Universiti; dan
- (l) membuat syor kepada Universiti berkenaan mengadakan jawatan-jawatan untuk kakitangan hospital termasuk kakitangan perubatan yang diperlukan bagi pelaksanaan dan pentadbiran pengajaran, penyelidikan dan fungsi-fungsi perkhidmatan hospital universiti yang sepatutnya.

### **Mesyuarat dan Kuorum**

7. (1) Mesyuarat Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah.

(2) Setiausaha Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah menyebabkan—

- (a) minit semua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan



- (b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada ahli Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah seberapa cepat yang boleh dilaksanakan.

(3) Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

(4) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah ialah Pengerusi dan empat orang ahli lain.

#### BAHAGIAN IV

##### JAWATANKUASA PENGURUSAN HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

##### **Jawatankuasa Pengurusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah**

8. (1) Jawatankuasa Pengurusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah adalah ditubuhkan dan hendaklah terdiri daripada—

- (a) Pengarah Urusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) Semua Timbalan Pengarah Urusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;
- (c) Pendaftar, walau apa pun nama disebut;
- (d) Bursar, walau apa pun nama disebut;
- (e) Ketua Farmasi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, walau apa pun nama disebut;
- (f) Ketua Penyelia Jururawat Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, walau apa pun nama disebut; dan
- (g) mana-mana pekerja lain yang dilantik oleh Pengarah Urusan.

(2) Pendaftar hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah.

##### **Kuasa dan Tanggungjawab**

9. Jawatankuasa Pengurusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah mempunyai kuasa berikut—

- (a) memberikan pandangan berkaitan dengan perjalanan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah kepada Lembaga Pengelola dan Pengarah Urusan;
- (b) membuat keputusan mengenai pengurusan, pentadbiran dan operasi hari ke hari Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;

- (c) mengemukakan apa-apa cadangan dasar berkaitan pemajuan perkhidmatan, pengajaran dan penyelidikan perubatan dan sains kesihatan di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah untuk kelulusan Naib Canselor dan Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;
- (d) mengadakan pengurusan perubatan dan sains kesihatan di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah yang cekap dan berkesan, dan mengadakan kajian semula berkala yang menyeluruh mengenai operasi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah; dan
- (e) melaksanakan apa-apa pelan strategik Universiti sebagaimana yang telah diluluskan dan diarahkan oleh Lembaga Pengarah UPM atau Naib Canselor.

### **Mesyuarat dan Kuorum**

10. (1) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah.

(2) Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah menyebabkan —

- (a) minit semua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
- (b) salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada ahli Jawatankuasa Pengurusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah seberapa cepat yang boleh dilaksanakan.

(3) Jawatankuasa Pengurusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

(4) Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah ialah Pengerusi dan empat orang ahli lain.

### **BAHAGIAN V**

#### **LEMBAGA ATAU JAWATANKUASA LAIN**

### **Lembaga atau Jawatankuasa lain**

11. (1) Universiti boleh menubuhkan apa-apa lembaga atau jawatankuasa lain bagi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah yang didapatinya perlu dan suai manfaat untuk membantu Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dalam melaksanakan tujuan dan objektif Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dan boleh menetapkan apa-apa terma rujukan bagi penubuhan lembaga dan jawatankuasa itu dan juga komposisi keanggotaannya.

(2) Keanggotaan lembaga atau jawatankuasa lain Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah dilantik oleh Naib Canselor atau Pengarah Urusan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah mengikut kesesuaian setiap lembaga atau jawatankuasa itu.

(3) Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah menubuhkan apa-apa lembaga atau jawatankuasa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang lain dalam Malaysia yang berkaitan dengan perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Komposisi dan pelantikan ahli jawatankuasa lain itu hendaklah mengikut peruntukan undang-undang bertulis yang berkaitan.

(4) Peruntukan dalam seksyen 11 hendaklah terpakai bagi lembaga atau jawatankuasa lain yang ditubuhkan di bawah seksyen ini.

## BAHAGIAN VI

### PEGAWAI DAN PEKERJA HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

#### **Pengarah Urusan dan Timbalan Pengarah Urusan**

12. (1) Maka hendaklah ada seorang Pengarah Urusan atau apa-apa nama lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa yang hendaklah dilantik oleh Naib Canselor untuk tempoh tidak melebihi empat tahun, dan boleh dilantik semula setelah tamat tempoh tersebut.

(2) Hendaklah ada sekurang-kurangnya seorang Timbalan Pengarah Urusan atau apa-apa nama lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa yang hendaklah dilantik oleh Naib Canselor untuk tempoh tidak melebihi empat tahun, dan boleh dilantik semula setelah tamat tempoh tersebut.

#### **Bidang kuasa dan Tanggungjawab**

13. (1) Pengarah Urusan hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Naib Canselor, Lembaga Pengarah UPM dan Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan hendaklah—

- (a) menjadi ketua di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;
- (b) bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, pengurusan, kewangan, perkhidmatan perubatan termasuk perkhidmatan farmasi, penyelidikan, tatatertib dan hal ehwal hari ke hari Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;
- (c) melaksanakan apa-apa dasar yang telah diputuskan oleh Lembaga Pengarah Universiti dan Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;

- (d) berhubung dengan pengajaran dan pembelajaran dan program akademik, sentiasa berhubung dan bertanggungjawab terhadap Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan;
- (e) melaksanakan apa-apa nasihat atau mengambil tindakan terhadap pemerhatian atau arahan yang telah dilakukan atau dibuat oleh Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah;
- (f) membuat dan melaksanakan apa-apa perancangan strategik berkaitan dengan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah sebagaimana yang dipersetujui oleh Lembaga Pengarah UPM atau Naib Canselor; dan
- (g) menjalankan apa-apa kuasa lain sebagaimana yang diberi kepadanya dan melaksanakan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang dipertanggungjawabkan ke atasnya dari semasa ke semasa, oleh Statut ini atau Naib Canselor.

(2) Timbalan Pengarah Urusan hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan Pengarah Urusan dan hendaklah membantu Pengarah Urusan dalam melaksanakan kuasa dan tanggungjawabnya di subseksyen 13(1) Statut ini.

(3) Dalam ketiadaan Pengarah Urusan untuk suatu tempoh yang panjang, Timbalan Pengarah Urusan, atau jika ada lebih daripada seorang Timbalan Pengarah Urusan, mana-mana seorang daripada mereka sebagaimana yang ditetapkan oleh Naib Canselor, hendaklah menjalankan fungsi Pengarah Urusan.

#### **Ketua Jabatan dan Pekerja Hospital Sultan Abdul Aziz Shah**

14. (1) Hendaklah ada seorang ketua bagi sesuatu jabatan, bahagian atau selainnya yang ditubuhkan dalam Hospital Sultan Abdul Aziz Shah yang hendaklah dilantik oleh Naib Canselor untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun.

(2) Ketua bagi sesuatu jabatan atau bahagian itu hendaklah bertanggungjawab kepada, dan bertindak di bawah kuasa dan arahan Pengarah Urusan, dan boleh dilantik semula setelah tamat tempoh tersebut.

(3) Tertakluk kepada kelulusan Universiti, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah boleh mengambil seberapa ramai pekerja yang perlu bagi perjalanan dan pelaksanaan objektif Hospital Sultan Abdul Aziz Shah.

#### **Pelantikan tertakluk kepada Akta dan Apa-Apa Perundangan Subsidiari di bawahnya**

15. Semua pelantikan yang dibuat oleh Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah tertakluk kepada Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan serta apa-apa perundangan subsidiari di bawah akta yang berkaitan.

## BAHAGIAN VII

PERKHIDMATAN UTAMA HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH DAN  
PEMBAHAGIAN JABATAN, BAHAGIAN, UNIT, DSB, DALAM HOSPITAL  
SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

**Perkhidmatan Utama dan Perkhidmatan lain Hospital Sultan Abdul Aziz Shah**

16. (1) Perkhidmatan utama Hospital Sultan Abdul Aziz Shah ialah memberikan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang perubatan dan kesihatan kepada pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti atau pelajar perubatan dari institusi lain.

(2) Hospital Sultan Abdul Aziz Shah boleh memberikan perkhidmatan lain termasuk penyelidikan, perundingan dan apa-apa perkhidmatan perubatan dan kesihatan lain dan juga sebagaimana yang diarahkan oleh Universiti atau Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dari semasa ke semasa.

(3) Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah juga memberikan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada pegawai, guru, pekerja dan pelajar Universiti, serta orang awam.

**Pembahagian Hospital Sultan Abdul Aziz Shah kepada Jabatan, Bahagian, Laboratori, Unit, Dsb.**

17. (1) Bagi tujuan Seksyen 17 Statut ini, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah dibahagikan kepada beberapa Jabatan, Bahagian, Laboratori, Unit atau selainnya, mengikut namanya masing-masing sebagaimana yang ditetapkan oleh Pengarah Urusan, dengan persetujuan Naib Canselor.

(2) Sesuatu Jabatan, Bahagian, Laboratori, Unit atau selainnya yang ditubuhkan di bawah subseksyen 17(1) Statut ini, adalah dikecualikan daripada keperluan berunding dengan Jawatankuasa Pengajian yang ditetapkan di bawah seksyen 24(2) Perlembagaan UPM.

(3) Bagi tujuan Seksyen ini selanjutnya, dan walau apa pun tafsiran lain yang dipakai oleh Universiti, nama Jabatan, Bahagian, Laboratori, Unit atau selainnya yang diwujudkan di bawah subseksyen 17(1), hendaklah mempunyai struktur berserta skop tanggungjawab yang ditetapkan oleh Pengarah Urusan dan dengan keizinan Jawatankuasa Pengurusan Universiti dari semasa ke semasa.

## BAHAGIAN VIII

TATACARA, PROSEDUR DAN ARAHAN KERJA

**Tatacara, Prosedur, Arahan Kerja, Dsb.**

18. Tertakluk kepada Perlembagaan Universiti, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah boleh membuat, meminda atau membatalkan apa-apa tatacara, prosedur, arahan kerja, notis amalan hospital atau apa-apa notifikasi mengenai apa-apa

perkara berkaitan dengan pengurusan, kewangan, penjanaaan dan perolehan, perkhidmatan perubatan termasuk perkhidmatan farmasi, penyelidikan, tatatertib dan hal ehwal hari ke hari Hospital Sultan Abdul Aziz Shah.

**Tatacara Membuat Prosedur, Arahan Pentadbiran atau Arahan Kerja, Notis Amalan atau Notifikasi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah**

19. (1) Pengarah Urusan boleh membuat apa-apa Prosedur, Arahan Pentadbiran atau Arahan Kerja, Notis Amalan atau Notifikasi bagi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah.

(2) Apa-apa Prosedur, Arahan Pentadbiran atau Arahan Kerja, atau Notis Amalan atau Notifikasi yang dibuat oleh Pengarah Urusan itu tidak boleh mempunyai kesan kebelakangan.

(3) Apa-apa Prosedur, Arahan Pentadbiran atau Arahan Kerja, Notis Amalan atau Notifikasi yang telah dibuat, hendaklah diumumkan kepada orang awam sekiranya Prosedur, Arahan Pentadbiran atau Arahan Kerja, Notis Amalan atau notifikasi itu berkaitan orang awam yang mendapatkan perkhidmatan di Hospital Sultan Abdul Aziz Shah mengikut cara yang difikirkan patut dan wajar oleh Pengarah Urusan.

BAHAGIAN IX

PERUNTUKAN KEWANGAN

**Anggaran Kewangan Hospital dan Anggaran Tambahan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah**

20. (1) Adalah menjadi kewajipan Pengarah Urusan, atau mana-mana pekerja yang diarahkan Pengarah Urusan, untuk menyediakan bagi pertimbangan Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dan Lembaga Pengarah UPM suatu anggaran kewangan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah yang meliputi pendapatan dan perbelanjaan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah bagi tiap-tiap satu tahun kewangan.

(2) Tertakluk kepada Perlembagaan Universiti, Naib Canselor atau Lembaga Pengarah UPM boleh, menurut budi bicaranya, meluluskan, mengubahsuaikan atau menolak kesemua atau mana-mana butiran yang disediakan dalam anggaran kewangan yang disediakan di subseksyen (1).

(3) Tertakluk kepada apa-apa pengecualian dalam Perlembagaan Universiti, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah tidak boleh melakukan apa-apa perbelanjaan yang tidak termasuk dalam sesuatu anggaran yang telah diluluskan.

(4) Jika Hospital Sultan Abdul Aziz Shah memerlukan peruntukan kewangan tambahan dalam sesuatu tahun, Naib Canselor atau Lembaga Pengarah UPM, mengikut mana yang berkenaan boleh dari semasa ke semasa meluluskan anggaran tambahan bagi maksud menunjukkan punca yang darinya sesuatu perbelanjaan tambahan yang dilakukan oleh Hospital Sultan Abdul Aziz Shah boleh dibayar.

(5) Anggaran kewangan atau anggaran kewangan tambahan bagi tiap-tiap satu tahun kewangan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah disediakan mengikut bentuk dan mengandungi maklumat sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor atau Lembaga Pengarah UPM.

#### **Tahun Kewangan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah**

21. (1) Bagi maksud Bahagian ini, tahun kewangan ialah satu tahun kalendar, atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UPM.

(2) Akaun Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah seberapa segera yang boleh, diimbangkan bagi tahun kewangan yang lalu dan suatu penyata kewangan tahunan atau ringkasannya hendaklah disediakan mengikut bentuk dan mengandungi maklumat sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor atau Lembaga Pengarah UPM.

#### **Kuasa Naib Canselor dan Pengarah Urusan untuk mendapatkan dana, menerima hadiah, dsb**

22. Naib Canselor, dan Pengarah Urusan, boleh bagi pihak Hospital Sultan Abdul Aziz Shah mendapatkan dana bagi aktiviti dan operasi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dan menerima sebagai pemberian, hadiah, pemberian berwasiat, subsidi, legasi atau selainnya, harta atau wang membantu kewangan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah atas apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan yang olehnya.

#### **Bentuk Kontrak**

23. Apa-apa kontrak yang melibatkan perbelanjaan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah dibuat atas nama Universiti atau atas nama Hospital Sultan Abdul Aziz Shah secara bertulis, dan ditandatangani oleh mana-mana pegawai Universiti yang diberikan kuasa sewajarnya oleh Lembaga Pengarah UPM, sama ada secara khusus dalam hal tertentu, atau secara am bagi semua kontrak di bawah suatu nilai tertentu atau selainnya, sebagaimana yang ditetapkan dalam pemberian kuasa itu.

#### **Fi Perkhidmatan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah**

24. (1) Tertakluk kepada persetujuan Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dan Lembaga Pengarah UPM, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah boleh menetapkan apa-apa kadar fi bagi apa-apa perkhidmatan yang disediakan dan ditawarkan oleh Hospital Sultan Abdul Aziz Shah kepada pegawai, guru, pekerja dan pelajar Universiti, serta orang awam yang kena dibayar oleh pegawai, guru, pekerja dan pelajar Universiti, serta orang awam yang mendapatkan perkhidmatan itu.

(2) Apa-apa fi yang dikenakan oleh Hospital Sultan Abdul Aziz Shah bagi perkhidmatan yang diberikannya, tetapi tidak dibayar oleh penerima perkhidmatan itu, hendaklah menjadi hutang yang boleh dituntut secara guaman oleh Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dan Universiti.

(3) Bagi maksud subseksyen 24(1), fi bagi perkhidmatan yang disediakan oleh dan ditawarkan oleh Hospital Sultan Abdul Aziz Shah boleh termasuk caj perubatan, perundingan, penyelidikan, penyewaan ruang dan fasiliti hospital atau caj lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengelola Hospital Sultan Abdul Aziz Shah dan Lembaga Pengarah UPM.

(4) Kesemua fi perkhidmatan yang diterima adalah suatu pendapatan Universiti dan hendaklah diakaunkan ke dalam akaun Universiti.

### **Audit**

25. Akaun Hospital Sultan Abdul Aziz Shah hendaklah diaudit setiap tahun oleh juruaudit yang dilantik oleh Lembaga Pengarah UPM. Akaun yang telah diaudit itu hendaklah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan Lembaga Pengarah UPM.

## **BAHAGIAN X**

### **PERUNTUKAN AM, KECUALIAN DAN PERALIHAN**

### **Tafsiran**

26. Dalam Bahagian ini—

“tarikh yang ditetapkan” ertinya tarikh Statut ini mula berkuat kuasa.

### **Kesahan Tindakan Hospital Pengajar Universiti sebelum Kuat Kuasa Statut**

27. (1) Apa-apa surat cara, surat ikatan, hak milik, dokumen, perjanjian dan perkiraan yang telah disempurnakan oleh Hospital Sultan Abdul Aziz Shah sebelum tarikh yang ditetapkan, hendaklah pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah dibuat di bawah Statut ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

(2) Segala hak, keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, pegawai dan pekerjaanya sebelum tarikh yang ditetapkan, hendaklah pada tarikh yang ditetapkan, terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

(3) Segala aku janji yang telah diberikan oleh, atau kepada Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, dan perkara yang belum selesai sebelum tarikh yang ditetapkan, hendaklah pada tarikh yang ditetapkan, diteruskan setakat aku janji atau perkara yang belum selesai itu tidak bertentangan atau bercanggah dengan peruntukan Statut ini.



**Kuasa yang diwakilkan**

28. Semua kuasa atau tanggungjawab yang telah diwakilkan sebelum tarikh yang ditetapkan, hendaklah pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah dibuat di bawah Statut ini dan terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan.

**Kecualian**

29. Semua arahan pentadbiran, arahan kerja, prosedur, garis panduan, notis amalan hospital, notifikasi, pemberitahuan, atau borang yang dikeluarkan atau dibuat oleh Hospital Sultan Abdul Aziz Shah sebelum tarikh yang ditetapkan, hendaklah terus berkuat kuasa setakat arahan pentadbiran, arahan kerja, prosedur, garis panduan, notis amalan hospital, pemberitahuan dan borang itu selaras dengan, atau tidak digantikan atau dibatalkan oleh peruntukan Statut ini.

Dibuat 18 Jun 2026

[Minit Mesyuarat LPU 181.02 (4)(v)(2)]

[UPM/PPUU/600-1/3/6/Statut HSAAS]

SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ  
IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ  
*Canselor*  
*Universiti Putra Malaysia*

**No. 23938.**

**UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971**

**THE CONSTITUTION OF UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (HOSPITAL SULTAN  
ABDUL AZIZ SHAH) STATUTE 2026**

---

ARRANGEMENT OF SECTIONS

---

PART 1

COMMENCEMENT

1. Name
2. Interpretation

PART II

ESTABLISHMENT AND OBJECTIVES OF HOSPITAL SULTAN ABDUL  
AZIZ SHAH AS A UNIVERSITY TEACHING HOSPITAL

3. Establishment of Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
4. Purpose and Objective of Hospital Sultan Abdul Aziz Shah

PART III

GOVERNING BOARD OF HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

5. Governing Board of Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
6. Function and Responsibilities
7. Meetings and Quorum

PART IV

MANAGEMENT COMMITTEE OF HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH AND  
OTHER COMMITTEE OF HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

8. Management Committee of Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
9. Powers and Responsibilities
10. Meeting and Quorum

## PART V

## OTHER BOARD OR COMMITTEE

11. Other Board or Committee

## PART VI

## OFFICER AND EMPLOYEES OF HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

12. Managing Director and Deputy Managing Director
13. Powers and Responsibility
14. Head of Department and Employees of Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
15. Appointments are subject to the Act and Any Subsidiary Legislation thereunder

## PART VII

PRIMARY SERVICES OF HOSPITAL SULTAN ABDUL AZIZ SHAH AND DIVISION  
OF DEPARTMENTS, DIVISIONS, UNITS, ETC, IN THE HOSPITAL  
SULTAN ABDUL AZIZ SHAH

16. Primary Services and Other Services Hospital Sultan Abdul Aziz Shah
